

23/06/2001

Keengganan jawab soalan bukti Pas mahu berselindung

KRITIKAN terhadap Pas tidak hanya datang dari luar parti itu, malah di kalangan ahlinya sendiri. Muktamar Agung Ke-47 Pas di Kuala Lumpur awal bulan ini menjadi saksi terhadap kerasnya teguran daripada seorang perwakilan bahawa parti itu sudah tersasar daripada agenda perjuangannya. Kepemimpinan Pas, terutama saf ulamanya, dilihat sekadar 'syok sendiri' bersama rakan pembangkang untuk memenangi pilihan raya umum akan datang. Tumpuan Pas kepada isu semasa seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta kempen membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim turut diumpamakan sebagai kerja gila. Berlawanan dengan janji-janjinya untuk 'mengIslamkan' serba-serbi dalam negara ini, bukanlah menghairankan tindak-tanduk pemimpinnya sebaliknya lebih kerap membuat ramai yang keliru daripada mendapat gambaran jelas terhadap hala tuju parti itu.

Pas padat dengan tipu daya berbanding menegakkan falsafah perjuangan sebenarnya. Apa yang diharamkannya bersabit dengan Umno, diharamkan pula bagi orang lain. Wang ihsan yang diberikan terus oleh Kerajaan Pusat kepada agensi tertentu seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dihukum haram, sebaliknya menjadi halal jika disalurkan melalui kerajaan Pas Terengganu. Demikian juga suatu ketika Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, meminta ahli Pas menghentikan perbuatan memulau ahli Umno. Kemudian ia diperjelaskan sebagai hanya satu kenyataan politik yang bermaksud lain. Perkataan haram bagaikan satu azimat bagi Pas untuk menakut-nakutkan rakyat agar memberi sokongan kepada parti berkenaan. Kecuali segelintir yang buta hati dan tidak dapat melihat kenyataan di depan mata, kita percaya masyarakat terbanyak masih celik dan waras untuk membezakan antara kebenaran dan pembohongan.

Deretan soalan yang diajukan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapannya pada Perhimpunan Agung Umno kelmarin, cukup untuk mencerminkan pelbagai kekeliruan dan pembohongan yang dibawa Pas selama ini. Dalam keghairahannya untuk berkuasa, Pas seolah-olah menghalalkan apa saja untuk dilakukannya. Seperti biasa, apabila persoalan seumpamanya berbangkit, alasan mudah Pas ialah ia tidak bermaksud sebagaimana yang orang lain fahami. Apakah semua orang harus mempunyai aliran pemikiran yang sama dengan pemimpin Pas untuk memahaminya? Atau adakah semua orang boleh diperdayakan daripada melihatnya sebagai muslihat Pas semata-mata? Atas alasan yang samalah, Pas sendiri hingga hari ini enggan menarik balik Amanat Haji Hadi, walaupun ia jelas menyebabkan perpecahan orang Melayu.

Kepemimpinan Pas sebenarnya boleh memilih untuk menjawab keseluruhan soalan yang dikemukakan oleh Presiden Umno kelmarin atau tidak mengendahkannya. Namun, jika benar Pas tiada apa-apa untuk disembunyikan, baik kepada masyarakat Melayu mahupun kaum bukan Bumiputera, dalam aspirasinya untuk mengambil alih pemerintahan, maka tiada sebab untuk parti itu berselindung. Pas hendaklah menerangkan segala-galanya berlandaskan fakta dan bukti daripada cuba memutarbelitkan kebenaran. Sesudah itu nanti, biarlah orang ramai yang menghakimi sama ada Pas hanya menipu orang Melayu, orang Cina atau semuanya sekali.

(END)